

21 OCT 2001

Mahathir-Antraks

DR MAHATHIR MINTA MEDIA LAPOR DENGAN TEPAT

Oleh: Ridzuan Zulkifli dan Mohd Kamel Othman

SHANGHAI, 21 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa media supaya bersikap adil dalam laporan kerana berita yang dikeluarkan berasaskan fakta yang tidak tepat akan menjejaskan iklim ekonomi dan perniagaan sesebuah negara.

Dr Mahathir menarik perhatian kepada isu Antraks sebagai contoh apabila Malaysia dituduh sebagai negara yang mengeksport virus itu.

"Oleh kerana laporan yang tidak berasas seperti ini, ia akan menjejaskan perniagaan dan ekonomi. Tidak ada pelancong yang akan datang ke Malaysia kecuali wartawan yang mahu melihat virus itu," kata beliau sambil berseloroh pada persidangan media di akhir mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di sini malam ini.

Dalam isu Antraks, beliau berkata, surat yang dikatakan mengandungi virus dalam bentuk bahan seperti gel dikatakan berasal dari Malaysia tetapi sebenarnya dimel dari Amerika Syarikat.

Beliau berkata walaupun laporan itu tidak disahkan, media telahpun menggambarkannya sebagai benar dan menonjolkan Malaysia sebagai pengeksport Antraks.

"Ini tidak adil. Justeru, pada masa depan, media tidak harus melaporkan sesuatu yang belum disahkan kerana ia berpotensi menjejaskan iklim perniagaan dan ekonomi sesebuah negara," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri juga menarik perhatian laporan media yang menyatakan bahawa Penerbangan Malaysia mengambil seorang juruterbang Iraq dan dengan itu mendakwa bahawa syarikat penerbangan nasional itu sebagai syarikat penerbangan berbahaya untuk dinaiki.

"Adakah kita akan menafikan hak seseorang untuk bekerja semata-mata kerana dia berasal dari Iraq?," tanya Dr Mahathir.

"Jika mereka mampu, mengapa kita boleh?," kata beliau pada persidangan media itu yang dipenuhi wartawan asing.

Dr Mahathir berkata beliau kesal terhadap laporan seumpama itu kerana ia menimbulkan kesulitan ke atas kebanyakan individu atau pihak.

-- BERNAMA

RBZ DC FAZ